


# PEMACU WACANA

| | |
|---|---|
| Program | Webinar Isu dan Cabaran Pendidikan Alaf Baharu: Ke Manakah Kita? |
| Tarikh | 14 Julai 2023 (Jumaat) |
| Masa | 10:00 AM - 12:15 PM |
| Platform | Atas talian - Aplikasi Zoom |

# ISI KANDUNGAN


1. Informasi Program
2. Agenda Program
3. Laporan Program
4. Biodata Moderator
5. Biodata Ahli Panel
6. Senarai Kehadiran
7. Senarai Kehadiran MASA
8. Gambar Semasa Program
9. Hebahan Media Sosial




BIDA | A PROGRAM BY MDEC

# 1. INFORMASI PROGRAM (I)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Tajuk Program | Isu dan Cabaran Pendidikan Alaf Baru: Ke Manakah Kita? |
| Pengenalan | Pendidikan merupakan komponen utama dalam pembangunan individu, masyarakat, bangsa & negara. Ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.<br><br>Namun, menurut Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, seramai 180,680 atau 48.74% pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sesi 2021 memilih untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Trend ini menunjukkan peningkatan berbanding 115,939 orang pelajar lepasan SPM (atau 35.16%) pada tahun 2020. Sementara itu, menurut laporan Astro Awani (11 Jun 2023), sejumlah 14,858 atau 3.8% daripada 388,832 calon baharu SPM 2022 dan mendaftar kali pertama sekurang-kurangnya enam mata pelajaran, tidak menduduki peperiksaan. Statistik ini menunjukkan peningkatan berbanding SPM 2021 yang merekodkan 10.681 atau 2.7% calon tidak hadir daripada keseluruhan 392,837 calon yang berdaftar.<br><br>Selain itu, kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, (UNICEF) dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) yang diterbitkan pada Oktober 2020 mendedahkan, peratusan murid menengah atas yang tidak hadir ke sekolah agak membimbangkan semasa sekolah dibuka semula selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). |

# 1. INFORMASI PROGRAM (II)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Pengenalan | 1 daripada 5 kanak-kanak hilang minat untuk bersekolah, 8 daripada 10 tidak mempunyai akses kepada komputer, terutama ketika PKP serta pembelajaran dalam talian menjadi cabaran utama kerana masalah kekurangan peranti yang sesuai di rumah. Walaupun hadir ke sekolah, sebilangan besar murid hilang semangat dan minat untuk belajar selepas PKP.<br><br>Bagi mengatasi isu ini, KPM telah mengambil langkah antaranya melaksanakan rancangan pembangunan jati diri dan pendidikan kerjaya di sekolah bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan pendidikan. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) pula menyokong penggunaan media sosial, khususnya TikTok bagi tujuan pembelajaran bagi menarik minat para pelajar.<br><br>Persoalannya, sejauh mana langkah intervensi KPM ini berkesan dalam menangani permasalahan ini? Apakah langkah lain yang lebih proaktif bagi mengatasi masalah ini? Wajarkah penggunaan aplikasi media sosial seperti TikTok digunakan secara meluas oleh guru bagi menarik semula minat pelajar? Atau, adakah sistem pendidikan kini masih relevan bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa alaf baru?<br><br>Oleh itu, webinar ini dianjurkan bertujuan untuk mengupas dan membincangkan permasalahan pendidikan alaf baru serta membahaskan langkah penting yang perlu diambil untuk melahirkan pelajar berkualiti tinggi di samping memperkukuhkan sistem pendidikan pada alaf kini untuk masa akan datang. |

# 1. INFORMASI PROGRAM (III)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Objektif Program | Secara khusus, objektif webinar ini adalah:<br>1. Mengenalpasti punca kurangnya minat pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran;<br>2. Membincangkan isu dan langkah-langkah menangani cabaran pendidikan alaf baru demi melahirkan tenaga berkemahiran tinggi;<br>3. Menyediakan platform kepada pihak berkepentingan (akademik, pemain industri, pembuat dasar) ke arah memperkukuh sistem pendidikan alaf baru di Malaysia. |
| Tarikh | 14 Julai 2023 (Jumaat) |
| Masa | 10:00 AM - 12:15 PM |
| Platform | Atas talian - Aplikasi Zoom |

# 2. AGENDA PROGRAM (I)

| MASA | PERINCIAN |
| --- | --- |
| 10:00 AM | Pembukaan oleh Juruacara<br>Cik Nur Zalikhaa’ Zainal Abidin<br>*Penganalisis Penyelidikan (Sosial), MASA* |
| 10:10 AM<br>(5 min) | Pengenalan oleh Moderator<br>YBrs. Cik Siti Aishah Hassan Hasri,<br>Pengasas, SPOT Community Project Malaysia.<br><br>Ahli Panel:<br><br>1. YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak,<br>Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merangkap Felo Kehormat MASA.<br><br>1. YBhg. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim,<br>Pengarah, *Southeast Asia Education Ministers Organisation* (SEAMEO) merangkap Felo Kehormat, Institut MASA.<br><br>1. YBrs. Dr Bity Salwana Alias,<br>Pengerusi, Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia |

# 2. AGENDA PROGRAM (II)

| MASA | PERINCIAN |
|---|---|
| 10:15 AM<br>(30 min) | Pusingan 1: Mengenalpasti Punca Peningkatan Statistik Ketidakhadiran Pelajar Dalam Peperiksaan SPM |
| 10:45 AM<br>(30 min) | Pusingan 2: Cabaran Dalam Meningkatkan Minat Pelajar Untuk Meneruskan Pelajaran |
| 11:15 AM<br>(30 min) | Pusingan 3: Dasar dan Pendekatan Proaktif untuk Menangani Cabaran/Kelemahan Sistem Pendidikan Alaf Baru |
| 11:45 AM<br>(30 min) | Sesi Soal Jawab dan Rumusan |
| 12:15 PM | Tamat |

# 3. LAPORAN PROGRAM

| PERKARA | PERINCIAN |
| --- | --- |
| Laporan Program | Webinar "Isu dan Cabaran Pendidikan Alaf Baharu: Ke Manakah Kita?" telah diadakan pada 14 Julai 2023 secara atas talian melalui platform Zoom dan *FB Live*. Objektif utama webinar ini adalah untuk mengupas dan membincangkan permasalahan pendidikan alaf baru serta membahaskan langkah penting yang perlu diambil untuk melahirkan pelajar berkualiti tinggi di samping memperkukuhkan sistem pendidikan pada alaf kini untuk masa akan datang.<br><br>Ahli Bersekutu MASA iaitu YBrs. Cik Siti Aishah Hassan Hasri telah dijemput untuk menjadi moderator bagi webinar ini manakala tiga (3) ahli panel telah dijemput bagi memberikan pandangan dan berkongsi kepakaran mereka mengenai topik yang dibincangkan. Mereka terdiri daripada YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak selaku Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merangkap Felo Kehormat MASA, YBhg. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim selaku Pengarah Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) serta merangkap Felo Kehormat MASA dan YBrs. Dr Bity Salwana Alias yang merupakan Pengerusi Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.<br><br>Sambutan yang menggalakkan diterima melalui penyertaan seramai 99 orang melalui Zoom dan *FB Live* dan peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk wakil badan kerajaan, pakar bidang, media, wakil industri dan masyarakat umum. Pelbagai soalan juga telah dilontarkan oleh moderator dan peserta webinar berkenaan memahami kemiskinan. |

# 4. BIODATA MODERATOR



Cik Siti Aishah Hassan Hasri

Cik Siti Aishah merupakan graduan kelulusan ijazah Sarjana Muda dalam bidang seni persembahan dari Universiti Malaya serta Diploma dalam bidang seni persembahan (teater) dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Malaysia. Kini, beliau merupakan pengasas kepada Program Komuniti *Soroptimist Puberty Organizing Toolkit (SPOT)* dan juga Ahli Bersekutu, Institut Masa Depan Malaysia. Antara pencapaian beliau adalah terpilih untuk mengetuai inisiatif pendidikan seksual komprehensif yang telah memberi impak kepada lebih 15,000 kanak-kanak sejak tahun 2015. Selain itu juga, beliau juga pernah terpilih untuk mewakili Malaysia dalam program *Obama Foundation Leaders: Asia Pacific* (2019) dan program *Regional Multi-stakeholder Dialogue on Comprehensive Sexuality Education* anjuran *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* serta pelancaran *International Technical Guidance on Sexuality Education* (2018). Sebagai anak seni juga, beliau sangat aktif dan pernah terlibat dengan lebih 45 produksi teater dan 20 produksi televisyEncik

# 5. BIODATA AHLI PANEL (I)




Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak

Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Farmasi dari Universiti Sains Malaysia dan kemudiannya melanjutkan pelajarannya di tahap Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Farmakologi di *University of Strathclyde, United Kingdom*. Mempunyai pengalaman sebagai Naib Canselor di Universiti Sains Malaysia (2000 hingga 2011) dan di Albukhary International University (2011 hingga 2013), beliau kini adalah Rektor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta merangkap selaku Felo Kehormat MASA. Beliau juga dilantik menjadi Felo Kanan di Akademi Sains Malaysia serta Felo di *World Academy of Art and Science (FWAAS)* dan *World Academy of Islamic Management (FWAIM)*. Antara pengalaman dan pencapaian beliau adalah dijemput untuk berkhidmat sebagai pakar untuk *Futures of Higher Education Project at UNESCO's Institute for Higher Education (IESALC)* pada Februari 2021. Selain itu, beliau juga merupakan penerima anugerah Tokoh Akademik Negara (2017), *Universitas 21 Gilbert Medal* (2017) dan *Contribution to Society Award of the Asia HRD Awards* (2017). Beliau juga telah banyak menyumbang menerusi penulisan di ruangan Op-Ed untuk pelbagai media berita di Malaysia sejak tahun 1995.

# 5. BIODATA AHLI PANEL (II)





## Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim

Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Biologi dari *University of Salford, United Kingdom* (1984), Med dari *University of Bristol, United Kingdom* (1994) serta Ijazah Sarjana dalam bidang Sosiologi (1999) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan (2011) dari *Stanford University, United States of America*. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan dasar, perancangan makro, pelaksanaan program dan penilaian. Kini, beliau merupakan Pengarah di *Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO)* serta merupakan Profesor Adjung di Universiti Teknologi Malaysia dan Felo Kehormat di Institut MASA. Beliau juga mempunyai pengalaman sebagai bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan telah berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia selama lebih 34 tahun. Antara jawatan yang pernah disandang beliau antaranya ialah Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian bagi Bidang Ekonomi Utama Negara Pendidikan, Pengarah Eksekutif Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar dan Kurikulum). Beliau juga pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan 2021 serta menerima anugerah Datin Paduka Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) dan Panglima Jasa Negara (PJN) pada tahun 2020.

# 5. BIODATA AHLI PANEL (III)



Dr. Bity Salwana Alias

Dr. Bity Salwana Alias memulakan kerjayanya di dalam bidang perguruan sebelum berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan merangkap Pengerusi Penyelidikan di Pusat Kajian Kepimpinan & Polisi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah menumpukan kajian beliau khusus dalam bidang pentadbiran dan nilai-nilai murni termasuk perpaduan dan integriti. Antara penerbitan berimpak tinggi yang pernah dihasilkan oleh beliau adalah *'Challenges And Strategies In Managing Small Schools: A Case Study In Perak, Malaysia'* (2022) dan *'Home-based Learning (HBL) Teacher Readiness Scale: Instrument Development And Demographic Analysis'* (2021).

# 6. SENARAI KEHADIRAN (I)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
| --- | --- | --- |
| 1 | Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| 2 | Prof. Dr. Abdelaziz Berghout | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| 3 | Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| 4 | Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim | Southeast Asian Ministers of Education Organization |
| 5 | Prof. Madya Dr. Hasimi Yaacob | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 6 | Prof. Madya Dr. Aminudin Basir | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 7 | Dr. Bity Salwana Alias | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 8 | Dr. Anuar Ahmad | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 9 | Dr. Azlina Abdullah | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 10 | Sr. Mohd Za'im Aziz | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 11 | Cik Fareza Othman | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 12 | Encik Mohd Faizal Md Nasir | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 13 | Encik Abdul Rahman Mohd Nordin | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 14 | Cik Siti Aishah Hassan Hasri | Program Komuniti Soroptimist Puberty Organizing Toolkit |
| 15 | Encik Viqar Ahmed Mohammad | Malaysia Consultative Council of Islamic Organization |
| 16 | Encik Saiful Bahari Mohd Said | Institut Sosial Malaysia |

# 6. SENARAI KEHADIRAN (II)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 17 | Encik Hafizan Mohamad Dain | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 18 | Encik Ahmad Ibrahim | Universiti Malaysia Pahang |
| 19 | Encik Muhammad Hafiz Ummah | Universiti Malaysia Perlis |
| 20 | Dr. Mei Peng Low | Universiti Tunku Abdul Rahman |
| 21 | Encik Muhamad Azhar Zulkeply | Universiti Tunku Abdul Rahman |
| 22 | Puan Muniroh Salleh | Universiti Tunku Abdul Rahman |
| 23 | Puan Norazilah Buhari | Universiti Tunku Abdul Rahman |
| 24 | Puan May Chuen Eng | Universiti Tunku Abdul Rahman |
| 25 | Dr. Shereeza Mohamed Saniff | Universiti Sains Malaysia |
| 26 | Puan Maliana Mohd Matahar | Universiti Malaysia Sarawak |
| 27 | Prof. Dr. Nik Meriam Sulaiman | Universiti Malaya |
| 28 | Dr. Shin Yi Chew | Universiti Malaya |
| 29 | Encik Sharil Nizam Sha'ri | Universiti Putra Malaysia |
| 30 | Dr. Sian Hoon Teoh | Universiti Teknologi MARA |
| 31 | Puan Hasnurlisda Hilmi | Kolej Profesional MARA Seri Iskandar |
| 32 | Puan Anis Arianti Norman | Kolej Profesional MARA Seri Iskandar |

# 6. SENARAI KEHADIRAN (III)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 33 | Puan Lindawati Mohamad Radzi | Kolej Profesional MARA Seri Iskandar |
| 34 | Puan Anita Md Nor | SM Sains Muar |
| 35 | Dato’ Dr. Madeline Berma | Akademi Sains Malaysia |
| 36 | Dr. Roslina Abd Halim | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 37 | Encik Kok Siang Tee | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 38 | Puan Noraine Jamil | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 39 | Encik Muhamad Baktiar Raihan | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 40 | Puan Rosnani Kassim | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 41 | Encik Patra Ramli | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| 42 | Encik Sanjay Pradeep Kumar | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| 43 | Encik Ahmad Hairil Azmeir Abu Bakar | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia |
| 44 | Encik Mohd Hisyamuddin Basabah | Kementerian Belia dan Sukan |
| 45 | Puan Musyrifah Elias | Kementerian Belia dan Sukan |
| 46 | Puan Nor Fadilah Jasman | Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional |
| 47 | Puan Syadatul Amira Aminudin | Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional |
| 48 | Puan Marlina Termudi | Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional |

# 6. SENARAI KEHADIRAN (IV)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 49 | Puan Bertha Eldo | Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam |
| 50 | Encik Ajulahin Japin | Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam |
| 51 | Encik Omar Bahrein Unin | Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam |
| 52 | Puan Rosalind Wong | Sarawak Development Institute |
| 53 | Puan Norazizah Ishak | Langkawi Research Centre |
| 54 | Dr. Nur Anuar Abdul Muthalib | Yayasan Hasanah |
| 55 | Dr. Asma Abdullah | CAM Global Learning |
| 56 | Dato' Satinah Syed Saleh | Alpha Alsagoff Edu Resources Sdn. Bhd. |
| 57 | Encik Isharuddin Ismail | Institusi Pendidikan Hira' |
| 58 | Encik Mohd. Shah Abdullah | Manipal International University |
| 59 | Ar. IDr. Zamri Ismail | Zamru Ismail Architect |
| 60 | Encik Khairul Azhar Idris | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| 61 | Puan Wisdom Sabrina Low | Oilgas Media Services |
| 62 | Encik Nor Hazani Mat Daud | WMIT Group Sdn. Bhd. |
| 63 | Encik Maliki Omar | Malaysian Palm Oil Board |
| 64 | Encik Wan Ahmad Faezal Wan Nawi | Majlis Amanah Rakyat |

# 6. SENARAI KEHADIRAN (V)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 65 | Encik Azaman Sahak | Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah |
| 66 | Puan Nizawati Md. Musa | Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil |
| 67 | Encik Wan Ahmad Thahir Wan Sulaiman | Kolej Matrikulasi Melaka |
| 68 | Encik Ong Boon Ping | |
| 69 | Puan Nurul Ashikin | |
| 70 | Encik Muhammad Haiqal Ahmad | |
| 71 | Encik Mohamad Aiman Mat Zaki | |
| 72 | Encik Mahadir Ramly | |
| 73 | Encik Mohammad Sharul | |
| 74 | Cik Iman Sofiyyah | |
| 75 | Puan Rosie Popong | |
| 76 | Encik Norman Taib | |
| 77 | Puan Noor Aini Abu Hashim | |
| 78 | Puan Rozi Mas | |
| 79 | Puan Norjuly Hamdan | |
| 80 | Encik Kharil Niza | |

# 6. SENARAI KEHADIRAN (VI)

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 81 | Encik Amirreza Sawal | |
| 82 | Encik Hisamudin Rasol | |
| 83 | Cik Alin Alyya | |
| 84 | Encik Wong Hoe | |
| 85 | Encik Zainudin Daud | |

# 7. SENARAI KEHADIRAN MASA

| BIL | NAMA | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Dr. Khalid Abdul Hamid | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 2 | Puan Marhaini Kamaruddin | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 3 | Encik Mohd Noor Musa | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 4 | Cik Lili Fariza Ariffin | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 5 | Cik Nur Zalikhaa’ Zainal Abidin | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 6 | Cik Adriana Asmaa' Mohd Ezanee | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 7 | Encik Ayob Hassan | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 8 | Cik Liwani Che Long | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 9 | Encik Muhammad Fadzil Anif | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 10 | Encik Ahmad Faisal Ramli | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 11 | Cik Mashitah Fisal | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |
| 12 | Cik Chieng Chui Chee | Institut Masa Depan Malaysia (MASA) |

# 8. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



# 9. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (I)






# 9. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (II)









# 9. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (III)









# 9. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (IV)






INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

# #MAKMURBERSAMA

- INSTITUTMASA.COM
- info@institutmasa.com